

Visa Haji Jemputan: Jemaah diingot berhati-hati sebelum bayar

SINAR HARIAN 15/5/2023 M/s: 8

KUALA LUMPUR - Persatuan Agensi Pelancongan Malaysia (MATA) mengingatkan jemaah yang membeli pakej menggunakan Visa Haji Jemputan untuk berhati-hati sebelum membuat pembayaran kepada mana-mana pihak yang menawarkan perkhidmatan itu.

Presiden MATA, Datuk Dr Mohd Khalid Harun berkata, ini kerana selepas sambutan Hari Raya Aidilfitri, pihak tertentu akan bersungguh-sungguh mempromosikan pakej haji dengan menabur pelbagai janji yang boleh menarik minat jemaah untuk membeli pakej mereka dengan membuat bayaran penuh.

"Setiap tahun kami dimaklumkan dengan pelbagai

berita mengenai jemaah terkandas di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) atau Lapangan Terbang Antarabangsa Jeddah dan sebagainya.

"Kementerian Haji di Arab Saudi menyediakan platform dalam talian rasmi iaitu jemaah dikehendaki mendapatkan dan membayar penempatan mereka di Makkah dan Madinah, khemah di Arafah, serta pengangkutan," katanya dalam kenyataan pada Sabtu.

Justeru, beliau menggesa jemaah untuk tidak membuat sebarang pembayaran sehingga menerima pengesahan bahawa permohonan mereka untuk Visa Haji Jemputan telah diterima dan ia biasanya diterima pada saat-saat akhir. - *Bernama*

Jemaah haji luar giliran dikenakan caj penuh

SINAR HARIAN 15/5/2023 M/s: 8

SEPANG - Bayaran penuh kos haji sebanyak RM30,850 dikenakan kepada jemaah luar giliran yang permohonan rayuan mereka diluluskan oleh Tabung Haji (TH).

Pengarah Eksekutif Haji TH, Datuk Seri Syed Saleh Syed Abdul Rahman berkata, hanya golongan B40 yang giliran haji mereka pada tahun ini layak menerima subsidi penuh.

"Kita telah beri penerangan, bagi B40 yang giliran mereka pergi tahun ini sahaja yang layak mendapat bayaran RM10,980.

"Mereka yang di luar giliran dan membuat rayuan tidak kira sama ada B40, M40 dan T20 diperlukan untuk membuat bayaran penuh," katanya ketika Majlis Keberangkatan Petugas Haji Advance Party 1444H di



SYED SALEH

Movenpick Hotel dan Convention Centre di sini pada Ahad.

Beliau berkata demikian ketika ditanya pemberita berkenaan kos haji pada tahun ini melibatkan jemaah yang membuat rayuan dan permohonan itu diluluskan.

TH menetapkan bayaran haji 1444H kumpulan B40 sebanyak RM10,980; M40 (RM15,980) dan T20 (RM30,850).

Syed Saleh berkata, surat tawaran haji telah diedar kepada bakal jemaah dan hanya sekumpulan kecil yang menolak tawaran itu disebabkan beberapa faktor antaranya masalah peribadi, kesihatan dan lain-lain.

"Disebabkan itu, ada beberapa kekosongan perlu diisi oleh golongan yang sedang menunggu giliran.

"Jumlah yang tolak agak kecil kerana kebanyakan daripadanya menerima tawaran itu dan telah hadir Kursus Perdana Haji," jelasnya.

Dalam pada itu, beliau berkata, setakat ini kuota haji pada tahun ini kekal 31,600 orang dan TH masih menunggu maklum balas daripada kerajaan Arab Saudi sekiranya terdapat pertambahan pada saat-saat akhir.

"Seperti biasa setiap tahun kita memohon untuk tambahan kuota bagi mengurangkan tempoh menunggu (giliran) tetapi pada masa sama, kerajaan Arab Saudi juga perlu memberi perhatian kepada negara-negara yang lain juga.

"Seperti yang kita sedia maklum pada tahun ini kuota haji kembali kepada asal, jadi semua negara mempunyai kuota yang tinggi maka untuk mendapatkan kuota tambahan ini kita masih perlu menunggu pertimbangan daripada mereka," ujarnya.